



Alam sekitar jadi polemik

Kerajaan pusat dilapor akan bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi memastikan pencerobohan kawasan tadahan hujan tidak akan berterusan sehingga boleh menyebabkan kemusnahan ekologi.

Oleh MELATI MOHD ARIFF

MESKIPUN tiada bencana besar alam sekitar kecuali banjir yang melanda negara ini sepanjang 2006 setakat ini, beberapa isu alam sekitar pasti meninggalkan igauan buruk bagi sesetengah pihak.

Yang sakit hati sudah tentu mereka yang menjadi mangsa dan yang menjadi sasaran kritikan pula sudah pasti pihak berkuasa yang bukan sahaja memikul tanggungjawab malah amanah untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat tidak diambil mudah atau diabaikan.

Tahun 2006 menunjukkan alam sekitar negara ini terus menjadi mangsa rakus sesetengah projek pembangunan yang dibuat tanpa perancangan lestari. Buktinya, lihat sahaja banjir kilat yang sering melanda sesetengah kawasan apabila hujan, masalah jerebu yang masih merentasi sempadan serta sungai yang terus-menerus dicemari dan menjadi polemik berpanjangan.

Turut menjadi isu hangat media termasuk media elektronik ialah pembalakan haram!

Cuma setiap kali berlaku krisis, banyaklah yang bersuara, mengecam dan mengkritik. Pelbagai janji juga ditabur untuk penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang. Bagi rakyat dan masyarakat setempat, apa yang boleh dibuat hanyalah mengambil sikap 'tunggu dan lihat' kerana mungkin hasil yang belum berbuah tahun ini akan dapat dirasa nikmatnya pada tahun hadapan.

Apabila bukit-bukau habis ditarah dan digondolkan, pokok-pokok pula ditebang atas nama pembangunan manakala hujan lebat menyebabkan ber-



RAKYAT hanya mampu mengambil sikap 'tunggu dan lihat' terhadap penyelesaian isu pembalakan haram yang turut menyebabkan masalah banjir di sesetengah kawasan.

lakunya aliran dan limpahan air yang deras. Apabila saluran air, longkang dan sungai tersumbat sarat dengan sampah dan sarap, hasilnya berlakulah fenomena banjir kilat.

Bagi warga Kuala Lumpur (KL), banjir kilat sudah sinonim dengan kehidupan mereka di bandar raya metropolitan ini. Setiap kali hujan lebat, warga KL bukan setakat kalam-kabut mencari payung tetapi menyorong kereta dan harta benda kerana ancaman banjir kilat.

Warga KL tentunya meletakkan harapan tinggi kepada Datuk Bandar Kua-

la Lumpur ke-8, Datuk Ab Hakim Bohan yang dilantik pada 14 Disember lalu supaya dapat menangani masalah banjir kilat yang sering berulang.

Projek tebatan banjir, Sistem Terowong Jalan dan Pengurusan Air Banjir (SMART) yang bernilai RM1.9 bilion dan dijangka siap Jun tahun depan turut diharap dapat menangani masalah banjir kilat ini.

Tanah runtuh ragut nyawa

Selain itu, kejadian tanah runtuh berulang lagi pada tahun 2006 dan yang tragisnya apabila nyawa insan-insan

tersayang menjadi korban.

Negara digemparkan dengan kejadian tanah runtuh pada 31 Mei dan di dada akhbar terpampang tajuk berita '4 beranak mati tertimbus' (*Utusan Malaysia* 1 Jun 2006).

Kejadian tanah runtuh itu berlaku di Kampung Pasir, Hulu Klang dan dikatakan berpunca daripada pergerakan tanah di kawasan Taman Bukit Zoo View berikutan kerja-kerja pembinaan rumah di situ.

Tanah runtuh lazimnya dikaitkan dengan hakisan tanah apabila berlaku hujan lebat. Yang mungkin tidak boleh dimaafkan ialah apabila hakisan tanah itu berpunca daripada kegiatan pembangunan yang mementingkan keuntungan dengan mengetepikan langkah-langkah keselamatan atau melanggar peraturan!

Sementara itu, hampir semua rakyat Malaysia telah mengalami fenomena jerebu yang mendatangkan pelbagai masalah kepada kesihatan, penglihatan, pengangkutan, kesejahteraan hidup dan ekonomi negara.

Pada tahun 2006, negara turut menyaksikan buat ke sekian kalinya 'jerebu yang sebahagian besarnya merentasi sempadan'.

Keadaan jerebu yang teruk melanda Sarawak hampir membatalkan sambutan Hari Kemerdekaan ke-49 peringkat kebangsaan yang dirancang diadakan di bandar raya Kuching. Bagaimanapun, sambutan tersebut dapat diadakan juga akhirnya dengan penuh gilang-gemilang.

Keadaan jerebu semakin buruk pada awal Oktober sehinggakan Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor melahirkan rasa bimbang kerana jerebu yang melanda ne-

gara ketika itu boleh menjejaskan industri pelancongan.

Beliau berkata, keadaan tersebut menimbulkan 'ketakutan' di kalangan ejen pelancongan luar negara yang bercadang membawa pelancong melawat negara ini pada masa terdekat ini.

Yang paling menggusarkan amaran yang dikeluarkan para pakar bahawa keadaan jerebu yang berlaku setiap tahun di rantau ini akan lebih teruk pada tahun depan berbanding yang dialami pada 1997 kerana fenomena lebih kuat El Nino akan kembali.

Sungai terus tercemar

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, banyak kajian telah dijalankan tentang pencemaran sungai khususnya di bandar-bandar besar termasuklah di sekitar Lembah Kelang.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Datuk Rosnani Ibrahim, kumbahan merupakan punca utama pencemaran sungai di negara ini.

Beliau memberitahu, daripada 146 sungai yang dikenal pasti di seluruh negara, kurang daripada separuh bersih, 15 lagi tercemar teruk dan sembilan dikategorikan sebagai 'mati'.

Pada awal tahun, lebih dua juta penduduk di empat daerah di Selangor iaitu Kuala Langat, Hulu Langat, Petaling dan Sepang terputus bekalan air selama 24 jam ekoran berlaku pencemaran air busuk ammonia di Sungai Semenyih pada 14 April.

Operasi Loji Rawatan Air Semenyih yang menerima bekalan air dari sungai tersebut terpaksa dihentikan berikutan kandungan ammonia yang dikesan mencapai tahap berbahaya iaitu 4.8 miligram (m) seliter berbanding 1.5mg seliter pada tahap normal.

Pencemaran berpunca daripada air resap cemar dari pusat pelupusan sampah Sungai Chembong milik Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ).

Insiden itu merupakan yang kedua melibatkan loji air yang sama akibat pencemaran sisa sampah yang terdapat di tapak pelupusan sampah berkenaan. Insiden pertama berlaku dua tahun lalu tetapi kandungan ammonia yang dikesan tidak serius.

Penduduk Lembah Kelang sebelum itu turut mengalami masalah bekalan



PEMBAKARAN terbuka bukan sekadar memberi masalah penglihatan dan jerebu, tetapi menjejaskan kualiti hidup dan tahap kesihatan pelbagai pihak.

air busuk pada 27 Februari apabila Sungai Selangor dicemari kandungan ammonia yang tinggi.

Air busuk ini dilaporkan berpunca daripada air resap cemar yang terlepas keluar dari takungan sementara pusat pelupusan sampah di Bukit Tagar, Selangor.

Apabila sungai tercemar dan air paip berbau busuk, salah-menyalah menjadi lumrah. Bagaimanapun, beberapa insiden yang berlaku telah membuka luas mata pihak berkuasa dengan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

Kerajaan negeri Selangor mengambil langkah drastik menutup pusat pelupusan sampah Sungai Chembong yang menjadi punca pencemaran Sungai Semenyih.

Sementara itu, kerajaan pusat di-

jangka membelanjakan sebanyak RM160 juta dalam tempoh 10 tahun bagi menutup 16 tapak pembuangan sampah terbuka yang dikenal pasti tidak selamat di seluruh negara.

Kegiatan pembalakan haram bukan sahaja berlaku di hutan-hutan simpan tetapi juga di kawasan tadahan air di negara ini.

Seawal tahun ini lagi, pihak kerajaan telah menyatakan perhatian beratnya terhadap tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab menceroboh kawasan tadahan air untuk pembalakan haram.

Kerajaan pusat dilapor akan bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi memastikan pencerobohan kawasan tadahan hujan tidak akan berterusan sehingga boleh menyebabkan kemusna-

han ekologi.

Setakat ini pesalah yang terlibat dalam kegiatan pembalakan haram akan dihukum penjara mandatori setahun atau maksimum 20 tahun.

Bagi membendung kegiatan pembalakan haram ini juga, pihak kerajaan akan memperkenalkan teknologi baru dikenali sebagai *Hyper Sectoral Remote Sensing Technology*.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memberitahu perkara itu selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Perhutanan Negara ke-20 pada 26 September lalu.

Projek perintis menggunakan teknologi tersebut telah dibuat di Hutan Simpan Gunung Stong, Kelantan dan menurut kata Najib, 'hasilnya sangat baik.' - Bernama